



Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

No. Telefon: 03-80642400

No. Fax: 03-80642429

E-mel: ndcc@nadma.gov.my; opsroom@nadma.gov.my

NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



Masa dikeluarkan:

1:00 tengah hari; 26 November 2024

BAHAYA: Hujan sangat lebat berterusan dijangka berlaku

sehingga 29 November 2024

Terengganu (Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman) • **Pahang** (Jerantut, Maran, Kuantan, Pekan dan Rompin)

BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku

sehingga 29 November 2024

Kedah (Padang Terap, Sik dan Baling) • **Perak** (Hulu Perak) • **Kelantan** • **Terengganu** (Besut, Setiu, Kuala Nerus dan Kuala Terengganu) • **Pahang** (Tanah Tinggi Cameron, Lipis, Temerloh dan Bera) • **Johor** (Mersing)

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku

sehingga 29 November 2024

Perlis • **Kedah** (Langkawi, Kubang Pasu, Kota Setar, Pokok Sena, Yan, Pendang, Kuala Muda, Kulim dan Bandar Baharu) • **Pulau Pinang** • **Perak** (Kerian, Larut, Matang Dan Selama, Kuala Kangsar, Kinta dan Kampar) • **Pahang** (Raub dan Bentong) • **Johor** (Tangkak, Segamat, Muar, Batu Pahat, Kluang, Pontian, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru) • **Sabah**: Sandakan (Telupid, Beluran dan Sandakan) dan Kudat

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada 1.00 tengahari, 26 November 2024 telah mengeluarkan **Amaran Hujan Berterusan Waspada (Kuning)**, **Amaran Hujan Berterusan Buruk (Jingga)** dan **Amaran Hujan Berterusan Bahaya (Merah)** seperti yang dipaparkan di atas

Sehubungan dengan itu, **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri / Daerah hendaklah diaktifkan** serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri / Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dilengkapi dengan keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mempunyai

segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan. **Semua Pusat Operasi / Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah memajukan Notis ini ke peringkat Negeri dan Daerah.**

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat bencana, bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui talian telefon **03-8064 2400**, faksimili **03-8064 2429** dan alamat e-mel opsroom@nadma.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri

26 November 2024